

KUANG CERMIN
Mountain Peacock
Pheasant

FAMILI: Phasianidae
NAMA SAINTIFIK: *Polyplectron inopinatum*



CIRI-CIRI

Burung ini mempunyai ukuran panjang badan termasuk ekor iaitu lebih kurang 65 sm dengan panjang ekor yang boleh mencecah 40 sm bagi individu jantan. Bagi individu betina pula, ukuran panjang adalah lebih kurang 46 sm. Berwarna coklat gelap dengan bintik-bintik cerah di keseluruhan badan serta mempunyai lorek berbentuk bujur di sayap dan ekor. Burung jantan dewasa mempunyai dua taji di setiap kaki sementara burung betina tidak bertaji.

MAKANAN

Ia mencari makanan di atas tanah dengan mematak dan mengais di celah-celah daun, bawah kayu dan sebagainya. Ia memakan serangga, invertebrata, biji-bijian, buah-buahan, pucuk tumbuhan dan lain-lain lagi.

HABITAT

Ia boleh ditemui di hutan dipterokap dari ketinggian 800-1,600 m dan pernah ditemui pada ketinggian 600 m dari paras laut.

BUNYI

Burung jantan akan mengeluarkan bunyi kawalan kawasan dalam siri nada 1-4 nota yang kuat serta diulang setiap 5-6 saat.

PEMBIAKAN Jantan bersifat 'territorial', namun spesies ini adalah sangat pemalu. Musim membiak bermula daripada akhir tahun hingga ke awal tahun berikutnya. Burung jantan mempunyai gaya menari secara "frontal dan side display" bagi menarik perhatian burung betina untuk mengawan. Bertelur sebanyak 2 biji bagi setiap "clutch". Mengambil masa selama lebih kurang 24 hari untuk menetas. Anak menjadi dewasa dalam masa lebih kurang setahun.

STATUS:

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.

CITES, appendiks 3.

IUCN, mudah terancam.